

**GAJI, ELAUN DAN FAEDAH YANG DIPEROLEHI OLEH PEKERJA  
MAHIR DALAM INDUSTRI BINAAN**

**NUR FAZLIHA BINTI AB. HAMID**

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**NOVEMBER, 2005**

## ABSTRAK

Industri binaan adalah kompleks serta melibatkan pelbagai jenis kerja dan pihak. Manakala, golongan paling ramai yang terlibat dalam industri pembinaan adalah buruh-buruh binaan. Buruh-buruh binaan pula terdiri daripada buruh mahir, separa mahir dan buruh am. Manakala, buruh mahir adalah merupakan buruh binaan yang terlibat dalam kerja-kerja yang memerlukan kepakaran. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti sumber pengambilan buruh mahir serta kadar gaji, elaun dan faedah yang diterima oleh mereka. Bagi mendapatkan maklumat yang jelas, temuduga berstruktur telah dijalankan terhadap kontraktor gred 7 yang mempunyai projek yang sedang dilaksanakan. Seterusnya, maklumat yang diperolehi dianalisa dan dipersembahkan dalam bentuk jadual, graf dan carta pai. Keputusan penyelidikan yang dibuat menunjukkan bahawa majoriti daripada responden mendapatkan buruh mahir daripada sub-kontraktor buruh secara sepenuhnya iaitu 50% , 40% mendapatkan buruh mahir dari gabungan buruh langsung dan sub-kontraktor buruh dan hanya 10% daripada responden mendapatkan buruh mahir dari buruh langsung secara sepenuhnya. Selain itu, kesemua responden menggunakan gaji hari bagi membuat pembayaran gaji kepada buruh mahir dan kadar gaji mereka adalah berbeza mengikut tred dan bagi setiap tred pula kadar gaji kepada buruh mahir warganegara adalah lebih tinggi daripada buruh mahir bukan warganegara. Walaubagaimanapun, jenis elaun yang diberikan kepada buruh mahir secara umumnya adalah sama kepada warganegara dan bukan warganegara, kecuali terdapat responden yang hanya memberikan elaun rumah kepada buruh mahir warganegara sahaja. Begitu juga bagi faedah-faedah yang diberikan kepada buruh mahir, iaitu tiada perbezaan bagi faedah-faedah yang diberikan kepada buruh mahir warganegara dan bukan warganegara kecuali bagi caruman KWSP, PERKESO dan Skim Pampasan Pekerja Asing sahaja.

## **ABSTRACT**

Construction industry is complex and involves multi types of works and various parties. Construction labour force is an important party in the construction industry. The labour force consists of skilled workers, semi-skilled workers and general labour. Skilled workers are involved in works that requires specific expertise and skills. The main objective of this research is to identify the sources of skilled labour, the wage rate, allowances and benefits given to them. Structured interviews were conducted to obtain the required data from samples consisting of grade 7 contractors, which have on going project in hand. The data were analysed and the findings presented in the form of tables, charts and graphs. The findings of the research indicates that 50% of the respondents obtained their skilled labour from labour only sub-contractors, 40% from direct labour and labour only sub-contractors and 10% from direct labour only. All of the respondents used day work rates to pay the skilled workers' wages, and the wages differ for different trades. It has also been observed that the rates are higher for local skilled workers than foreign skilled workers. However, same allowances are given to local and foreign skilled workers except for housing allowance, which are only given to the locals. The same benefits are also given to both local and foreign workers except EPF, SOCSO and Foreign Worker's Scheme.